

**MAJLIS PONGGAL GALA NITE UniMAP**

☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSELOR UniMAP  
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
PADA 22 MAC 2008 JAM 8.00 MALAM DI DEWAN KAPITOL  
UniMAP**

**Yang Berusaha En. S. Vengadasamy  
Pengerusi MIC Perlis**

**Yang Berusaha Dr. Hari Ram Ramayya  
Pengerusi Pemuda MIC Perlis**

**Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Pegawai- pegawai Utama UniMAP**

**Ketua-ketua jabatan, Dekan-Dekan**

**Wakil-wakil dari Universiti Utara Malaysia, Politeknik Tuanku  
Syed Sirajuddin, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kangar,  
Wakil-wakil Media**

**Urusetia Ponggal Gala Nite UniMAP 2008, pelajar-pelajar  
UniMAP dan para hadirin sekalian,**

Saya berasa bersyukur kerana kita dapat bersama-sama dalam  
Majlis Ponggal Gala Nite UniMAP 2008 anjuran Jawatankuasa  
Pelaksana Ponggal Gala Nite 2008 UniMAP dengan kerjasama Majlis

Perwakilan Pelajar UniMAP dan Pemuda MIC Perlis. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada tetamu kita, iaitu E. Vengadasamy selaku Pengerusi MIC Perlis dan Dr. Hari Ram Ramayya selaku Pengerusi Pemuda MIC Perlis kerana sudi hadir ke Majlis Ponggal Gala Nite 2008. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Pemuda MIC Perlis yang telah berganding bahu dengan pelajar-pelajar saya untuk menganjurkan majlis seumpama ini. Saya berharap kerjasama seperti ini akan berterusan di masa akan datang. Terima kasih juga diucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Ponggal Gala Nite 2008 yang diketuai oleh saudara Theventharan Batumalai. Terima kasih dan selamat datang saya ucapkan kepada wakil-wakil dan pelajar-pelajar dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Utara Malaysia dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kangar kerana sudi hadir untuk menjayakan majlis ini.

Pelajar-pelajar dan Sidang hadirin sekalian,

Tujuan utama majlis ini diadakan ialah untuk meraikan dan mewarisi kebudayaan India bersempena Perayaan Ponggal baru-baru ini. Ponggal Gala Nite 2008 juga merupakan satu tapak menyatukan warga UniMAP sekaligus pelajar-pelajar institusi lain serta masyarakat sekitar Perlis untuk membentuk satu identiti kebudayaan yang terbilang tanpa mengira kaum. Kebudayaan merupakan elemen penting dalam mendidik jiwa setiap insan mengenali sejarah bangsanya.

Majlis ini juga sebenarnya membuka peluang kepada warga UniMAP dan pelajar-pelajar lain untuk mencungkil bakat mereka dalam persembahan seni kebudayaan. Tambahan pula pelancaran majlis ini dapat memupuk kerjasama dan mengeratkan silathurahim antara warga UniMAP, Pemuda MIC Perlis, Universiti Utara Malaysia, Politeknik Tuanku Syed Sirauddin, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kangar dan masyarakat sekitar Perlis. Ini secara tidak langsung dapat mempromosikan UniMAP kepada masyarakat tempatan dan membuktikan kita juga dapat duduk sama rendah berdiri sama tinggi seperti IPTA-IPTA yang lain. Secara keseluruhannya Ponggal Gala Nite 2008 ini membuka sejarah baru dalam mewarisi kebudayaan bangsa Malaysia dan memupuk perpaduan tanpa mengenal jati diri seseorang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Pemuda MIC Perlis, Universiti Utara Malaysia, Politeknik Syed Sirauddin, Sekolah Jenis Kebangsaan Tami Kangar dan masyarakat sekitar Perlis yang berkerjasama dalam menjayakan majlis ini. Semoga dengan penganjuran majlis sebeginirupa ianya dapat memupuk kesatuan tanpa mengira kaum disamping mempertahankan budaya bangsa warisan zaman.

Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Ponggal Gala Nite UniMAP 2008.

Sekian Terima Kasih.